PENDAKWA RAYA

lwn.

AHMAD BIN SEMAIL

MAHKAMAH TINGGI, MUAR
TUAN RICHARD TALALLA H.
[RAYUAN JENAYAH NO. 42 - 1- 1990]
13 DISEMBER 1992

UNDANG-UNDANG JENAYAH DAN PROSEDUR: Rayuan Jenayah - Rayuan pihak pendakwa - Rasuah - Sesyen 4(a) Akta Pencegah Rasuah 1961 ("APR 1961") - Penerimaan keboleh-percayaan dan keterangan saksi-saksi oleh Mahkamah - Penelitian semula oleh Mahkamah Rayuan - Samada terdapat kesilapan undang-undang dan fakta - Samada perlu wang rasuah dijumpai pada badan tertuduh - Penimbangan keterangan saksi walaupun pernah disabitkan pertuduhan jenayah - Faktor ketiadaan keterangan bebas - Penelitian - Keputusan Hakim yang dirayu dari.

Penentang telah dituduh menerima secara rasuah untuk dirinya sebanyak RM2,500 dari seorang Ng Hoo Eng bagi melepaskan seorang bernama Chia dari lokap Ibu Pejabat Daerah Polis Segamat. Setelah dibicarakan, penentang telah dilepas dan dibebaskan dari pertuduhan. Menurut rekod fakta kes penentang telah ditangkap melalui satu perangkap Badan Pencegah Rasuah.

Di dalam perangkap ini seorang bernama Ho Bee telah menelefon penentang berjanji memberi wang RM2,500 (wang perangkap) di kuarters penentang. Pada waktu perangkap Ho Bee telah memasuki seorang diri ke kuarters tersebut dan menemui penentang lebih kurang 10 minit dimana menurut Ho Bee beliau telah menyerahkan wang perangkap kepada penentang. Setelah Ho Bee keluar dari kuarters itu pihak BPR telah menyerbu rumah tersebut tetapi mendapati ruang tamu kosong. Satu bilik didapati berkunci dan seorang pegawai BPR menyatakan telah nampak ada orang didalam bilik tersebut setelah mengintai ke dalam bilik itu. Setelah diarah membuka pintu penentang telah membuka pintu tersebut dan menafikan menerima wang perangkap. Setelah digeledah wang perangkap didapati berada di dalam bilik tersebut di bawah almari cermin dan disaksikan penentang.

Puan Hakim Mahkamah Sesyen telah melepas-kan dan membebaskan penentang di atas alasan:

(a) Tiada wang dijumpai di badan penentang.
(b) Tiada yang menyaksikan penerimaan wang perangkap selain kata Ho Bee.
(c) Tiada keterangan bagaimana/siapa meletak wang perangkap dibawah almari.
(d) Kemungkinan Ho Bee meletakkannya wujud.
(e) Ho Bee seorang tua mempunyai ingatan lemah dan mempunyai rekod jenayah.
(f) Ho Bee memberi keterangan bercanggah.

Pihak Pendakwa merayu di atas keputusan tersebut.

Diputuskan:

[1] Walaupun Mahkamah menerima dan mengakui penghujahan perayu bahawa tidak perlu pendakwa membuktikan wang perangkap didapati di atas badan yang tertuduh dan seseorang boleh memberi keterangan yang benar walaupun dia disabitkan di atas pertuduhan jenayah, Mahkamah perlu mengambil kira keseluruhan keterangan yang diberi di Mahkamah Rendah. Mahkamah tidak boleh menimbangkan bantahan perayu secara berasingan dan tersendiri.

[2] Mahkamah tidak menerima dan tidak mengakui penghujahan perayu bahawa cadangan pembelaan yang Ho Bee telah meletakkan wang perangkap dibawah almari solek adalah satu keadaan mustahil.

[3] Terdapat keraguan samada RM3,000 yang dikatakan didalam perbualan antara penentang dan Ho Bee adalah wang suapan atau wang jaminan dan dengan sedemikian manafaat keraguan perlu diberi kepada penentang.

[4] Tiada keterangan bebas telah dikemukakan dan didapati tiada apa-apa kesilapan fakta ataupun undang-undang di dalam keputusan Mahkamah Rendah.

[Rayuan ditolak].

Kes-kes yang dirujuk:
PP lwn. Munusamy [1980] 2 MLJ 133 ***(diikuti)***
PP lwn. Lim Eng Chye [1978] 1 MLJ 200 ***(diikuti)***

Akta-akta yang dirujuk:
Akta Pencegah Rasuah 1961, ss. 4(a), 18
Kanun Acara Jenayah, s. 117

ALASAN PENGHAKIMAN

Richard Talalla H:

Dalam rayuan ini penentang telah dituduh bahawa ia pada 16 Mac 1987 di rumah No. 1407, Jalan Dato Wan Idris, Segamat (rumah tersebut) sebagai seorang ejen Kerajaan Malaysia iaitu Inspector Polis secara rasuah telah menerima untuk dirinya suapan sebanyak RM2,500 daripada seorang Ng Hoo Eng, sebagai hadiah supaya melakukan suatu perbuatan berhubung dengan hal ehwal prinsipalnya iaitu, melepaskan Chia Sen Hai (Chia) dari tahanan di bawah s. 117 Kanun Acara Jenayah (KAJ), di Lokap Ibu Pejabat Daerah Polis Segamat (IPDP), dan dengan itu ia telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah s. 4(a) Akta Pencegah Rasuah 1961 (Akta tersebut). Penentang telah dibicarakan di hadapan Puan Hakim Mahkamah Sesyen dan selepas perbicaraan ia dilepas dan dibebaskan dari pertuduhan. Fakta kes adalah seperti direkodkan oleh Puan Hakim yang bijaksana iaitu bahawasanya pada 9 Mac 1987 Chia telah ditangkap dan ditahan di Balai Polis Jementah mengikut s. 117 KAJ kerana disyaki terlibat dalam suatu pergaduhan. Seorang bernama William Yin Eui telah menerima panggilan talipon daripada Chia dan dimaklumkan tentang penahanannya. Chia juga berpesan kepada William untuk menemuinya kawannya Ho Bee dan meminta Ho Bee ke IPDP untuk menemuinya. Chia dikatakan ditahan di IPDP antara 10 Mac 1987 hingga 15 Mac 1987. Mengikut keterangan Ho Bee penentang telah meminta wang sebanyak RM5,000 untuk melepaskan Chia kononnya semasa dia menemui penentang di IPDP pada 9 Mac 1987. Menurut Ho Bee lagi pada 10 Mac 1987 dia telah menemui penentang dan mendapati bahwa Chia masih belum dilepaskan. Kemudian pada 14 Mac 1987 Ho Bee sekali lagi menemui penentang di mana penentang dikatakan telah memberitahu Ho Bee bahawa dia akan melepaskan Chia sekiranya Ho Bee sanggup memberi RM3,000. Pada hari yang sama, Ho Bee telah melaporkan perkara ini kepada Badan Pencegah Rasuah (BPR) dan membuat laporan polis. Pada 15 Mac 1987, Ho Bee dikatakan telah menalipon kepada penentang di pejabatnya untuk memberitahu bahawa dia cuma mempunyai wang RM2,500 dan baki akan dibayar kemudian dan menurut Ho Bee, penentang bersetuju dengan cadangan Ho Bee. Pada 16 Mac 1987 atas arahan pegawai BPR, Ho Bee telah menalipon kepada penentang di mana dia telah berjanji untuk memberi wang RM2,500 (wang perangkap) pada jam lebih kurang 2.00 petang di kuarters penentang di rumah tersebut.

Pada hari tersebut juga, satu perangkap telah diatur di mana En. Sharudin bin Sapian (Sharudin) telah mengadakan satu taklimat bersama-sama dengan pegawai BPR yang lain. Chew Ai Wah (Chew) seorang pegawai BPR telah diarah menaiki kereta Ho Bee dan sekiranya dijemput masuk oleh penentang, Chew dikehendaki mengiringi Ho Bee untuk menyaksikan penyerahan wang perangkap kepada penentang. Sementara itu 5 orang pegawai BPR yang lain, termasuk Sharudin telah mengambil tempat masing-masing.

Menurut Ho Bee, dia berbual dengan penentang di ruang tamu rumah tersebut selama lebih kurang 10 minit di mana wang perangkap dan disenaraikan mengikut senarai wang perangkap telah diserahkan dan diambil oleh penentang dengan tangan tanpa mengira jumlah wang itu. Selepas itu Ho Bee telah keluar dan masuk ke dalam keretanya dan seterusnya memberi isyarat dengan menghidupkan lampu kereta untuk menandakan wang perangkap telah diserahkan kepada penentang. Sebaik sahaja isyarat diberi, pegawai-pegawi BPR telah masuk ke dalam rumah tersebut tetapi mendapati tiada sesiapa pun di ruang tamu. Bilik-bilik di ketuk tetapi tiada jawapan. Nama penentang dipanggil bebrapa kali tetapi tiada jawapan. Pintu bilik telah diperiksa dan didapati berkunci. Kemudiannya dengan menggunakan sebuah peti, Sharudin telah menjengok dari jaring di atas pintu sebuah bilik dan mendapati seorang dalam keadaan membongkok berdiri di tepi pintu. Selepas diarah untuk membuka pintu, penentang membuka pintu dan mengaku diri sebagai Cik Mat. Sharudin terus memperkenalkan dirinya dan memberitahu kesalahan dan membacakan amaran. Penentang telah ditanya sama ada dia ada menerima wang rasuah daripada Ho Bee tetapi dia menafikan. Penggeledahan dibuat di bilik penentang untuk mencari wang perangkap. Lebih kurang 40 minit kemudian, wang perangkap dijumpai

di bawah almari cermin dan disaksi oleh penentang.

Alasan-alasan Puan Hakim yang bijaksana bagi melepas dan membebaskan penentang adalah seperti berikut:

> Tiada wang dijumpai di badan penentang. Tiada orang yang menyaksikan penerimaan wang perangkap melainkan kata-kata Ho Bee. Tiada keterangan berkenaan bagaimana ataupun siapa yang meletakkan wang perangkap di bawah almari rumah tersebut dalam masa lebih kurang 10 minit. Dalam masa tersebut Ho Bee dianggap telah mempunyai peluang untuk menyembuyikan wang perangkap di bawah almari. Meskipun pegawai-pegawai BPR tersebut telah masuk ke rumah tersebut dengan serta merta adalah munasabah bahawa penentang tiada masa yang cukup untuk menyorokkan wang perangkap itu. Maka sekali lagi ada kemungkinan iaitu Ho Bee yang meletakkan wang perangkap tersebut. Di samping itu penentang diakui sebagai pegawai yang mempunyai rekod bersih manakala Ho Bee adalah seorang tua yang mempunyai ingatan yang lemah dan juga mempunyai rekod jenayah. Tambahan pula Ho Bee telah memberi keterangan yang bercanggah seperti berikut:
>
> (i) memberi keterangan seolah-olahnya perjumpaan dengan penentang di pejabat penentang di IPDP.
> (ii) mengatakan dia tidak faham Bahasa Malaysia dan oleh itu tidak tahu apakah yang ditulis oleh En Ramlan iaitu Penolong Pegawai siasatan BPR, Johor Bahru dan pada ketika lain telah berkata "Saya tahu sedikit Bahasa Malaysia. Saya tak fasih dalam Bahasa Malaysia".
> (iii) memberi keterangan bahawa dia akan membuat laporan polis apabila dia mempunyai RM3,000 dan pada ketika lain bersetuju dengan cadangan peguambela bahawa kenyataan itu adalah tidak benar.
> (iv) Ho Bee telah mengatakan dia telah memberitahu keluarga Sia Ah Boon mengenai wang tersebut tetapi abang Sia Ah Boon, bernama Chia Son Kim telah mengatakan dia dan ahli keluarganya tidak tahu mengenai wang tersebut.

Perayu iaitu Timbalan Pendakwa Raya tidak berpuas hati dengan keputusan yang dibuat oleh Puan Hakim atas sebab-sebab yang berikut:

> Puan Hakim telah membuat kesilapan apabila mengatakan Ho Bee adalah seorang yang tidak boleh dipercayai kerana bercanggah dalam keterangannya, sedangkan percanggahan itu adalah atas perkara yang tidak penting (material), bahawa Ho Bee mempunyai rekod jenayah, sedangkan tiada bukti bahawa Ho Bee bercakap bohong ataupun dia sudah tua dan daya ingatannya kurang baik manakala Puan Hakim mengambil kira pembelaan pihak tertuduh sedangkan pembelaan belum dipanggil iaitu memutuskan bahawa pihak tertuduh mempunyai rekod yang bersih dan baik. Lagipun telah dinyatakan bahawa Puan Hakim telah membuat kesilapan apabila memutuskan bahawa Ho Bee adalah seorang rakan sejenayah (accomplice) dan keterangannya memerlukan sokongan serta mengatakan s. 18 Akta tersebut tidak terpakai dan Puan Hakim juga telah membuat kesilapan apabila mengatakan bahawa tiada keterangan yang menyokong keterangan Ho Bee.

Lagipun Tuan Timbalan Pendakwa Raya menghujah seperti berikut:

> (a) Tidak ada peruntukkan dalam undang-undang yang mengatakan bahawa wang mesti dijumpai pada badan yang tertuduh. Wang dijumpai dalam bilik di bawah almari dan penentang ditemui di dalam bilik tersebut oleh pasukan penyerbu dan pintu bilik itu dikunci dari dalam. Hujah oleh pihak pembelaan bahawa wang tersebut telah diletak dan disembunyikan (planted) oleh Ho Bee adalah tidak mungkin sama sekali seperti keterangan Sharudin.
> (b) Tiada undang-undang yang mengatakan bahawa seorang yang disabitkan kesalahannya ialah saksi yang boleh dipercayai. Penentang diakui bahawa dia mempunyai rekod yang baik.
> (c) Berkenaan dengan percanggahan, percanggahan kecil adalah lazim. Semasa pemeriksaan balas Ho Bee mengatakan perbicaraan pada 2 Februari 1988 ditangguh kepada 25 Jun 1988 adalah penangguhan yang lama, terdapat 10 muka surat bagi pemeriksaan balas, tentu terdapat percanggahan kecil.
> (d) Wang jaminan secara mulut. Tiada resit dikeluarkan, wang dibayar sebanyak RM2,500 dan bukannya RM3,000. Oleh itu penghujahan oleh pihak pembela yang mengatakan bahawa wang jaminan sebanyak RM3,000 tidak merupakan satu fakta yang penting. Ho Bee tidak memberitahu Chia - Chia bukan satu-satunya ahli keluarga. Chia boleh memberitahu ahli keluarga yang lain.

Ho Bee memberitahu Sharudin bahawa dia telah membayar wang tersebut kepada penentang di ruang tamu. Mahkamah bersetuju dengan Tuan Timbalan Pendakwa Raya dan mengaku bahawa pihak pendakwa tidak perlu membuktikan wang perangkap didapati atas badan yang tertuduh. Adalah benar wang perangkap ditemui di bawah almari solek dan juga penentang telah ditemui oleh pasukan serbuan dalam bilik tidur dan juga bilik tersebut telah dikunci dari dalam. Walaupun Mahkamah bersetuju dan mengaku seperti yang dikatakan bagi pihak pendakwa bahawa seseorang boleh memberi keterangan yang benar walaupun dia disabitkan atas pertuduhan jenayah. Tetapi Mahkamah ini mesti mengambil kira bahawa keseluruhan keterangan yang telah diberi oleh saksi-saksi dalam perbicaraan oleh Puan Hakim yang bijaksana sebelum keputusan diberi. Tidak dibenarkan bahawa aspek-aspek dipertimbangkan berasingan.

Mahkamah tidak akui dan tidak menerima penghujahan pendakwaan bahawa cadangan pembelaan iaitu Ho Bee telah meletakkan wang perangkap di bawah almari solek adalah satu keadaan yang mustahil. Mahkamah berpendapat bahawa Ho Bee berkemungkinan meletakkan wang perangkap di bawah almari solek, misalnya jikalau Ho Bee dengan sengaja memesongkan perhatian penentang ataupun sekiranya semasa penentang pergi ke bilik air untuk mencuci tangan.

Terdapat keraguan sama ada wang RM3,000 tersebut adalah wang suapan ataupun wang jaminan. Kes pembelaan mengatakan wang RM3,000 adalah wang jaminan manakala pihak pendakwaan berpendapat sebaliknya. Menurut undang-undang dalam kes jenayah apabila pada bila-bila masa terdapat keraguan, manfaat keraguan (benefit of doubt) semestinya diberi kepada yang tertuduh.

Selain daripada keterangan Ho Bee tiada apa-apa keterangan bebas terhadap penentang misalnya wang perangkap tidak diproses dengan anthracene dan juga ada keterangan menunjukkan bahawa percakapan antara Ho Bee dan penentang telah dirakamkan tetapi tidak berhasil. Puan Hakim juga berpendapat s. 18 Akta tersebut tidak terpakai sebab tingkah laku Ho Bee yang telah cuba menghubungi penentang sendiri bertentangan (go against) arahan Badan Pencegah Rasuah dan bukan merupakan seorang saksi yang jujur dan boleh dipercayai.

Selain dari itu tiada apa-apa keterangan bahawa penentang mempelawa Ho Bee ke rumahnya.

Mahkamah ini mempertimbangkan bahawa fakta-fakta keseluruhan dan undang-undang berkenaan iaitu Akta tersebut dan case law. Alasan-alasan Puan Hakim yang bijaksana telah diteliti dan pada pandangan Mahkamah ini tiada apa-apa kesilapan sama ada berkenaan undang-undang ataupun fakta-fakta dalam keputusan Puan Hakim.

Mahkamah ini mengambil berat bahawa Puan Hakim yang bijaksana memberi keputusan yang menunjukkan bahawa beliau telah mempertimbangkan keseluruhan keterangan menurut undang-undang dan kes-kes yang relevan. Penghujahan perayu terhadap keputusan Puan Hakim tidak boleh diterima. Sebabnya mengikut kes Mahkamah Persekutuan iaitu *PP lwn. Munusamy* [1980] 2 MLJ 133, perayu tidak menunjukkan bahawa terdapat salah laksana keadilan ataupun pelanggaran prinsip atau prosedur undang-undang. Terutama sekali seperti yang diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *PP lwn. Lim Eng Chye* [1978] 1 MLJ 200, persoalan yang ditimbulkan dalam rayuan ini telah bergantung kepada kebolehpercayaan (ability to believe) Ho Bee dan oleh sebab Mahkamah Rayuan ini tidak mempunyai peluang melihat Ho Bee sebagai saksi dan mempertimbangkan tingkah lakunya manakala Puan Hakim yang bijaksana berpeluang untuk melihat Ho Bee dengan teliti, Mahkamah Rayuan ini tidak akan menganggu keputusan tersebut. Apa-apa persoalan berkenaan perselisihan keterangan sama ada di antara saksi-saksi ataupun dalam keterangan saksi masing-masing bergantung kepada Hakim yang telah mendengar keterangan tersebut dan telah melihat tingkah laku saksi-saksi tersebut. Pertuduhan terhadap penentang bergantung kepada Ho Bee. Atas beberapa alasan-alasan Puan Hakim yang bijaksana telah menolak keterangannya dan tidak menerima Ho Bee sebagai saksi yang benar. Mahkamah ini enggan menganggu keputusan beliau. Oleh yang demikian rayuan ini ditolak.